



**SOALAN LAZIM (FAQs)  
BORANG PERMOHONAN AGIHAN AWAL IPT  
SECARA ATAS TALIAN**

**ISI KANDUNGAN**

PEKARA	M/S
PENGENALAN	2
BAB 1 : PERSOALAN ASAS BERKENAAN AGIHAN AWAL IPT	3
BAB 2 : KATEGORI PELAJAR YANG PERLU MEMUAT NAIK DOKUMEN KHUSUS PADA RUANGAN DISEDIAKAN	6
BAB 3 : KATEGORI PEMOHONAN YANG TIDAK MEMENUHI SYARAT KELAYAKAN	9
BAB 4 : PERSOALAN BERKENAAN PROSES PERMOHONAN DAN PEMBAYARAN	10
PERINGATAN	13

## **PENGENALAN**

### **1. Apakah jenis Agihan yang disediakan untuk pelajar memulakan pengajian pada semester pertama di institusi awam atau swasta ?**

#### **JAWAPAN:**

- a) Agihan Awal IPT Dalam Negara dan Luar Negara merupakan agihan sekaligus (one off) yang diberikan kepada pemohon dalam kalangan pendudukan negeri Kedah yang bakal memasuki tahun pertama pengajian bagi tahun 2021 di Institut Pengajian Tinggi di dalam dan luar negara mengikut syarat-syarat tertentu
- b) Agihan Awal IPT dibahagikan kepada dua kategori permohonan iaitu ;
  - i. Agihan Awal IPT Dalam Negara
  - ii. Agihan Awal IPT Luar Negara
- c) Pelajar yang menerima surat tawaran melanjutkan ke IPT hanya boleh membuat permohonan bagi setiap peringkat sekali sahaja sepanjang tempoh pengajian
- d) Agihan ini tidak termasuk pelajar yang menyambung pengajian diperingkat Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM), Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) dan pusat pengajian yang bertaraf sekolah.

### **2. Bilakah tarikh tutup permohonan agihan Awal IPT ini?**

#### **JAWAPAN:**

Dibuka sepanjang tahun 2021 dan ditutup pada 31 Disember 2021

## **BAB 1 : PERSOALAN ASAS BERKENAAN AGIHAN AWAL IPT**

### **3. Apakah syarat-syarat untuk memohon Agihan Awal IPT ?**

#### **JAWAPAN:**

Syarat Agihan Awal IPT ini dibahagikan mengikut dua (2) kategori permohonan

#### a) AGIHAN AWAL IPT DALAM NEGARA

- i. Pemohon mestilah beragama **Islam**.
- ii. Pemohon sedang **bermastautin/ menetap di negeri Kedah (mengikut alamat pada surat tawaran)**.
- iii. Pemohon menerima surat tawaran melanjutkan pelajaran bagi peringkat **Sijil/ Asasi/ Matrikulasi/ Diploma/ Ijazah Sarjana Muda** secara sepenuh masa bermula tahun 2021 sahaja dan telah membuat pengesahan pengajian dengan pihak Universiti.
- iv. Program pengajian bagi peringkat **PASCA-SISWAZAH** dan **SEPARUH MASA** adalah **TIDAK LAYAK**.
- v. Tempoh minimum pengajian pemohon adalah sekurang-kurangnya **setahun** pengajian kecuali bagi bidang kemahiran sekurang-kurangnya **tiga(3) bulan pengajian**.
- vi. Pemohon mestilah berumur sekurang-kurangnya **18 tahun** sewaktu mengemukakan permohonan kecuali bagi kes-kes khas dimana pelajar memasuki IPT dibawah umur disebabkan kemasukan khas atau mana-mana bidang kemahiran.
- vii. Pemohon perlulah **menyambung pengajian diperingkat Institut Pengajian Tinggi (IPT)**.
- viii. Pelajar yang menyambung pengajian dalam **Program Persediaan Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PPISMP)** adalah tidak layak memohon Agihan Awal IPTA.
- ix. Agihan ini hanya diberikan **sekali sahaja** sepanjang tempoh pengajian **bagi setiap peringkat pengajian yang berbeza**.
- x. LZNK berhak menolak permohonan sekiranya permohonan tidak diisi dengan lengkap dan jelas mengikut prosedur yang ditetapkan.

#### b) AGIHAN AWAL IPT LUAR NEGARA

- i. Pemohon mestilah beragama **Islam**.
- ii. Pemohon sedang **bermastautin / menetap di negeri Kedah (mengikut alamat pada surat tawaran)**.
- iii. Pemohon menerima surat tawaran melanjutkan pelajaran bagi peringkat **Ijazah Sarjana Muda/ Sarjana / Doktor Falsafah** secara sepenuh masa bermula tahun 2021 sahaja dan telah membuat bayaran pendaftaran awal pengajian.
- iv. Tempoh minimum pengajian pemohon adalah sekurang-kurangnya **setahun** pengajian.
- v. Pemohon mestilah berumur sekurang-kurangnya **18 tahun** sewaktu mengemukakan permohonan.
- vi. Bidang Pengajian **diiktiraf** oleh Malaysian Qualification Agency (MQA) atau Kementerian Pendidikan Malaysia.
- vii. Agihan ini hanya diberikan **sekali sahaja** sepanjang tempoh pengajian **bagi setiap peringkat pengajian yang berbeza**.
- viii. LZNK berhak menolak permohonan sekiranya permohonan tidak diisi dengan lengkap dan jelas mengikut prosedur yang ditetapkan.

#### 4. Bagaimana kaedah permohonan Agihan Awal IPT?


##### JAWAPAN :

Agihan Awal IPT LZNK adalah sepenuhnya secara talian melalui pautan berikut ;

<https://bit.ly/DermasiswaAwalIPTLZNK>

Atau ( [www.zakatkedah.com.my](http://www.zakatkedah.com.my) )

Klik Menu : APLIKASI ATAS TALIAN >> AGIHAN AWAL IPT >> Pilih DALAM/LUAR NEGARA



**5. Apakah dokumen yang perlu di muat baik bersama permohonan?**

**JAWAPAN ;**

Dokumen yang perlu dimuat naik adalah seperti berikut ;

- a) Salinan Kad Pengenalan Pemohon (pelajar)
- b) Salinan Kad Pengenalan Waris/ Penjaga
- c) Surat Tawaran Melanjutkan Pengajian ke Institut Pengajian Tinggi (IPT)
- d) Salinan Slip Bank/ Resit Pembayaran Pendaftaran Awal Pengajian atau Surat Akuan pendaftaran masuk IPT yang dikeluarkan oleh IPT atau apa-apa dokumen bukti pengesahan masuk ke IPT.
- e) Salinan Akaun Bank yang tertera nama Pemohon (Pelajar)
- f) Lain-lain dokumen khusus yang perlu disertakan bersama permohonan seperti Surat bermastautin/ Surat Rayuan Permohonan/ Resit Zakat (bagi yang berkaitan sahaja)

**6. Adakah semua dokumen yang disertakan perlu di cop pengesahan pegawai terlebih dahulu?**

**JAWAPAN:**

Tidak perlu, pemohon tidak diwajibkan membuat cop pengesahan pada dokumen yang dilampirkan.

**7. Adakah Agihan awal dermasiswa ini diberikan pada setiap semester kepada pelajar ?**

**JAWAPAN:**

Tidak, Agihan Awal IPT hanya diberikan secara *one-off* sahaja kepada pemohon sepanjang tempoh pengajian bagi setiap peringkat pengajian

## **BAB 2 : KATEGORI PELAJAR YANG PERLU MEMUAT NAIK DOKUMEN KHUSUS PADA RUANGAN DISEDIAKAN**

8. **Apakah yang dimaksudkan lain-lain dokumen khusus? Adakah semua pelajar wajib memuat naik dokumen tersebut seperti Surat bermastautin/Surat Rayuan Permohonan/Resit Zakat?**

**JAWAPAN:**

Pelajar yang perlu memuat naik dokumen khusus adalah untuk jenis permohonan seperti berikut ;

<b>BIL</b>	<b>JENIS PERMOHONAN</b>	<b>DOKUMEN KHUSUS YANG PERLU DILAMPIRKAN</b>
1.	Alamat pada Surat Tawaran Luar Negeri Kedah	Surat bermastautin
2.	Surat Tawaran Melanjutkan pengajian bukan pada tahun semasa	Surat Rayuan Permohonan
3.	Tidak menetap di Negeri Kedah tetapi waris membayar zakat pendapatan di Negeri Kedah	Resit/Penyata Zakat
4.	Akaun Bank Tidak Aktif dan ingin menggunakan akaun bank waris	Surat Rayuan Permohonan menggunakan akaun bank waris

\*Lain-lain dokumen yang memerlukan dokumen tambahan akan di maklumkan melalui emel.

9. **Saya bukan anak kelahiran Negeri Kedah tetapi sedang menetap di Negeri Kedah. Adakah saya boleh memohon dan apakah dokumen sokongan yang diperlukan**

**JAWAPAN :**

Layak membuat permohonan kerana pemohon sedang menetap di Negeri Kedah mengikut alamat surat tawaran universiti. Sekiranya alamat pada surat tawaran university adalah bukan negeri Kedah pemohon perlu mengisi borang bermastautin yang telah sediakan oleh LZNK dan membuat pengesahan bermastautin dengan Imam Kariah pemohon. Salinan Surat pengesahan bermastautin secara atas talian : <http://bit.ly/Pemastautin>

Dokumen (**surat pengesahan bermastautin**) perlu dimuat naik pada ruangan **MUAT NAIK DOKUMEN** ; *Lain-lain dokumen khusus yang perlu disertakan bersama permohonan seperti Surat bermastautin / Surat Rayuan Permohonan / Resit Zakat (bagi yang berkaitan sahaja)*

**10. Saya mendaftar pengajian pada tahun 2020. Adakah saya boleh memohon pada tahun 2021 ?**

**JAWAPAN:**

Layak membuat permohonan sekiranya pemohon masih belum membuat permohonan Agihan Awal IPT bagi tahun 2020. Pemohon perlu memuat naik surat rayuan rasmi permohonan yang disediakan sendiri oleh pemohon disebabkan surat tawaran pengajian adalah pada tahun 2020..

Dokumen (**surat rayuan permohonan**) perlu dimuat naik pada ruangan **MUAT NAIK DOKUMEN** ; Lain-lain dokumen khusus yang perlu disertakan bersama permohonan seperti Surat bermastautin / Surat Rayuan Permohonan / Resit Zakat (bagi yang berkaitan sahaja)

**11. Apakah isi kandungan yang perlu ada dalam surat rayuan permohonan tersebut (merujuk kepada soalan no.10)**

**JAWAPAN :**

Isi kandungan surat permohonan adalah seperti berikut;

- a) Maklumat peribadi pemohon dan butiran pengajian
- b) Sebab tidak membuat permohonan pada tahun 2020

**12. Apakah jenis permohonan yang wajib dimuat naik bersama dokumen surat rayuan permohonan ketika membuat permohonan?**

**JAWAPAN :**

Kriteria permohonan yang wajib dimuat naik bersama surat rayuan permohonan seperti berikut :

- a) Tarikh Kemasukan/pendaftaran pengajian ke Universiti bukan pada tahun semasa.

**13. Adakah saya perlu lampirkan bersama resit zakat ?**

**JAWAPAN:**

Tidak, hanya diwajibkan untuk kes pelajar yang tidak menetap di Kedah tetapi waris membayar zakat melalui Lembaga Zakat Negeri Kedah sahaja.

**14. Sekiranya akaun bank saya tidak aktif. Bolehkah saya menggunakan akaun bank bapa saya atau pihak LZNK menyediakan alternatif lain?**

**JAWAPAN:**

Pelajar boleh menggunakan akaun bank Ibu Bapa/Penjaga yang sah dan perlu emelkan surat permohonan kebenaran menggunakan akaun bank waris/penjaga kepada Bahagian Pendidikan Lembaga Zakat Negeri Kedah

Emel kepada : [pendidikan@zakatkedah.com](mailto:pendidikan@zakatkedah.com)

**15. Apakah isi kandungan yang perlu ada dalam surat permohonan kebenaran tersebut (merujuk kepada soalan no.14)**

**JAWAPAN :**

Isi kandungan surat permohonan adalah seperti berikut;

- a) Maklumat peribadi pemohon
- b) Maklumat waris/penjaga yang sah dan hubungan dengan pemohon
- c) Maklumat akaun waris/pemjaga yang sah
- d) Sebab tidak menggunakan akaun pemohon



### **BAB 3 : KATEGORI PEMOHONAN YANG TIDAK MEMENUHI SYARAT KELAYAKAN**

**16. Jika saya menyambung di peringkat Master/PHD Dalam Negara adakah saya layak untuk memohon Agihan awal dermasiswa ini ?**

**JAWAPAN:**

Tidak layak, bagi **Agihan Awal IPT Dalam Negara** hanya diberikan kepada pemohon yang menyambung pengajian bermula dari peringkat Sijil hingga ke ijazah sarjana pertama sahaja. Manakala untuk Luar Negara terbuka sehingga peringkat PhD.

**17. Saya melanjutkan pengajian dalam bidang Diploma Pendidikan (pasca-siswazah) di salah sebuah Univerisiti Dalam Negara secara sepenuh masa, adakah saya layak menerima agihan tersebut ?**

**JAWAPAN:**

Tidak layak, bagi **Agihan Awal IPT Dalam Negara** hanya diberikan kepada pemohon yang menyambung pengajian bermula dari peringkat Sijil hingga ke ijazah sarjana pertama sahaja. Diploma Pendidikan pasca-siswazah adalah termasuk peringkat pengajian yang tidak memenuhi syarat kelayakan.

**18. Saya pelajar tingkatan 6 yang sedang menduduki peperiksaan STAM, adakah saya layak menerima agihan tersebut ?**

**JAWAPAN:**

Tidak layak, Agihan ini tidak termasuk pelajar yang menyambung pengajian diperingkat Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM), Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) dan pusat pengajian yang bertaraf sekolah.

**19. Saya ditawarkan mengikuti kursus menjahit dibawah Kementerian Sumber Manusia selama 3 bulan dan selepas tamat kursus saya diberi lessen untuk membuka kedai menjahit. Adakah saya juga layak ?**

**JAWAPAN:**

Tidak layak, Agihan Awal IPT adalah dikhususkan pelajar yang melanjutkan pengajian di pusat-pusat pengajian tinggi sahaja yang dikategorikan sebagai IPT.

**20. Adakah program persediaan Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PPISMP) di Institut Perguruan (IPG) adalah tidak layak memohon ?**

**JAWAPAN:**

Tidak Layak, walaubagaimanapun pelajar boleh membuat permohonan semula apabila menerima surat tawaran diperingkat **Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP)** sahaja.

#### **BAB 4 : PERSOALAN BERKENAAN PROSES PERMOHONAN DAN PEMBAYARAN**

**21. Berapa lamakah tempoh kelulusan bagi setiap permohonan?**

**JAWAPAN :**

Tempoh kelulusan permohonan adalah dalam tempoh 21 Hari bekerja.

**22. Berapakah jumlah Agihan yang diberikan oleh LZNK bagi setiap pemohon ?**

**JAWAPAN :**

Jumlah Agihan Awal IPT ini mengikut peringkat pengajian seperti berikut ;

##### *DALAM NEGARA*

- a) Sijil/Matrikulasi : RM 300.00
- b) Diploma : RM 600.00
- c) Ijazah Pertama : RM 800.00

##### *LUAR NEGARA*

- a) Ijazah Pertama/Master/PhD : RM 1,000.00

**23. Adakah semua jenis akaun bank diterima LZNK ?**

**JAWAPAN:**

Semua jenis akaun simpanan diterima kecuali Tabung Haji, ASB dan seumpama denganya.

**24. Apakah maklumat yang perlu ada dalam salinan akaun bank / penyata akaun bank pelajar ?**

**JAWAPAN:**

- a) Tiga maklumat penting dan wajib adalah: Nama Pemilik Akaun , No Akaun Bank dan Nama Bank, Sekiranya ketiga-tiga maklumat tersebut ada maka dokumen bank tersebut diterima.
- b) Pemohon (pelajar) hendaklah memastikan maklumat No Akaun diisi dengan betul dan tepat dalam borang permohonan

**25. Bagaimanakah cara untuk membuat semakan status permohonan dan pembayaran Agihan awal dermasiswa ?**

**JAWAPAN :**

Setiap proses permohonan akan dihantar melalui emel pemohon. Sila pastikan emel dimasukkan dengan tepat.

Atau pemohon boleh membuat semakan melalui ;  
<https://www.zakatkedah.com.my/semakan-bantuan/>

**26. Bagaimanakah cara untuk saya berhubung dengan LZNK bagi mendapatkan keterangan lanjut?**

**JAWAPAN :**

- a) Untuk keterangan lanjut boleh berhubung melalui No Telefon Rasmi Bahagian Pendidikan Lembaga Zakat Negeri Kedah (04-7331740 / 013-4592071)
- b) Talian bebas tol : 1-800-88-1740
- c) Email rasmi Bahagian Pendidikan LZNK : [pendidikanzakatkedah@gmail.com](mailto:pendidikanzakatkedah@gmail.com)

**27. Apakah kes-kes yang menyebabkan permohonan Agihan ini di TOLAK?**

**JAWAPAN:**

- a) Tidak Memenuhi Syarat Kelayakan
- b) Tidak kemaskini permohonan dalam tempoh 14 Hari

**28. Apakah jenis permohonan yang akan masuk dalam status DALAM PERTIMBANGAN ?**

**JAWAPAN**

Kes DALAM PERTIMBANGAN adalah seperti berikut ;

- a) Kad Pengenalan Pemohon tidak jelas
- b) No Kad Pengenalan Pemohon tidak tepat
- c) Akaun Bank Pemohon tidak memenuhi kriteria ditetapkan (Nama Bank, Penama dan No Akaun)
- d) Pelajar yang memuat naik dokumen pembayaran yuran pendaftaran tidak tertera dengan jelas pihak yang menerima bayaran.
- e) Pemohon menggunakan akaun waris tanpa ada surat permohonan kebenaran
- f) Butiran Permohonan tidak sama dengan dokumen yang dilampirkan sebagai contoh permohonan memasukkan maklumat Ibu tetapi memuat naik kad pengenalan ayah.
- g) Tidak melampirkan bersama surat tawaran menyambung pengajian
- h) Semua dokumen tidak boleh dibaca (file error)

Pemohon akan menerima emel untuk sebarang penambahbaikan yang perlu dikemaskini. Sekiranya pemohon tidak mengemaskini permohonan dalam tempoh 14 hari permohonan akan DITOLAK.

**29. Sekiranya saya tidak mengemaskini dalam tempoh 14 Hari apakah saya tidak boleh membuat permohonan semula kepada LZNK ?**

**JAWAPAN**

Ya, Boleh dibuat semula permohonan dengan PERMOHONAN BARU. Pemohonan hanya memasukkan no kad pengenalan dalam borang permohonan dan lampirkan semua dokumen yang betul dan tepat.

**PERINGATAN**

1. Semua pemohon diingatkan supaya mengisi permohonan dengan betul dan tepat. Bagi mengelakkan kesilapan berlaku pemohon sangat digalakkan untuk membuat semakan semula setelah menghantar permohonan. Sekiranya masih terdapat kesilapan boleh betulkan kesilapan tersebut. Begitu juga semua dokumen yang telah dimuat naik sila pastikan jelas dan boleh dibaca.
2. Sentiasa cakna dengan emel yang diberikan kerana semua proses yang dilakukan oleh LZNK akan dimaklumkan melalui emel.

-TAMAT-